

**DEWAN MAJLIS****Khamis, 4 Syaaban 1442 / 18 Mac 2021****YANG DI-PERTUA  
DAN AHLI-AHLI MAJLIS  
MESYUARAT NEGARA****HADIR:****YANG DI-PERTUA**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, PSNB., SLJ., PHBS., PJK., PKL., Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI RASMI KERANA JAWATAN  
(PERDANA MENTERI DAN  
MENTERI-MENTERI)**

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, DKMB., DPKT., King Abdul Aziz Ribbon, First Class (Saudi Arabia), The Order of the Renaissance (First Degree) (Jordan), Grand Cross of Crown Order - G.K.K. (Netherlands), Medal of Honour (Lao), DSO (Singapore), Order of Lakandula with the Rank of Grand Cross (Philippines), The Order of Prince Yaroslav the Wise, Second Class (Ukraine), DSO (Military) (Singapore), PHBS., Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Di-Raja Dato Laila Utama Haji Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Haji Awang Ibrahim, DK., SPMB., DSNB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong, PSNB., DSLJ., SMB., PHBS., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, PSSUB., DPMB., PHBS., PBLI., PJK., PKL., Menteri Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong, PSNB., DPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, DPKT., SMB., PHBS., Menteri Pertahanan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, PSNB., DPMB., Menteri Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud, PSNB., SPMB., PJK., PKL., Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, PSNB., SPMB., Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, PSNB., SPMB., PJK., PIKB., PKL., Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, PSNB., SPMB., PIKB., PKL., Menteri Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Mohd Hussein, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Tenaga, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Hamzah bin Haji Sulaiman, PSNB., DPMB., PJK., Menteri Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof, PSNB., SMB., PIKB., Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin, DPKT., SMB., Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG BERGELAR:**

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Datu Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal, PSSUB., DSNB., PHBS., PBLI., PKL. **(Tidak hadir)**

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu, DPKT., DPMB., SNB., PBLI., PJK., PKLP.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim, DPMB., SNB., PJK., PKL.

**AHLI YANG DILANTIK ORANG-ORANG YANG TELAH MENCAPAI KECEMERLANGAN:**

Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, PSB., PIKB., PKL.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad, SMB.

Yang Berhormat Awang Ong Tiong Oh.

Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman, PSB., PIKB.

Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, PSB.,

Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari, PIKB.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, PIKB.

**AHLI YANG DILANTIK MEWAKILI DAERAH-DAERAH:**

Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Berakas 'B', Zon 1 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis, PSB., PJK., PIKB., PKL., Penghulu Mukim Kota Batu, Zon 3 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, PIKB., PKL., Penghulu Mukim Gadong 'A', Zon 4 - Daerah Brunei dan Muara.

Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari, Ketua Kampung Limau Manis, Zon 5 - Daerah Brunei dan Muara.



meneruskan perbincangan atau perbahasan itu, saya telah difahamkan bahawa Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi ingin membuat kenyataan bagi menjawab pertanyaan daripada Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung, saya persilakan sekarang Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih, Yang Berhormat Yang Di-Pertua kerana memberi kaola kesempatan ini untuk menambah sedikit kepada beberapa soalan yang diajukan kelmarin dan bagi perkara pertama iaitu soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Barangkali 'bisai' kaola akan menyampaikan semasa sesi kaola nanti secara *detailsnya*. Apa yang lebih penting kaola ingin sampaikan mengenai persoalan yang berhubung kait dengan *EV* ataupun *Electric Vehicle* dan izinkan kaola menambah sedikit kepada soalan-soalan yang diusulkan oleh Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad dan juga Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit yang telah pun diusulkan pada kemarin petang.

Dasar dan inisiatif penggunaan *EV* ini salah satu daripada 10 strategi utama dalam *The Brunei Darussalam National Climate Change Policy (BNCCP)* dan sebuah kumpulan bertindak di peringkat kebangsaan iaitu *EV Task Force* telah pun ditubuhkan yang diterajui bersama oleh Kementerian Pengangkutan dan

Infokomunikasi dan juga Kementerian Tenaga. Dalam hal ini, **اللَّحْمَدُ لِلَّهِ** Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi pelaksanaan satu Projek Rintis *Electric Vehicle (EV)* yang **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** akan dijalankan selama dua tahun yang akan dilancarkan pada Khamis, 25 Mac 2021 ini nanti.

Projek Rintis *EV* ini akan melibatkan pelbagai pihak yang berkepentingan dengan sasaran selepas tempoh dua tahun nanti, pelaksanaan projek ini ialah untuk membuat penilaian dan kajian tentang keberkesanan dan sambutan orang ramai mengenainya dan membuat apa jua tindakan-tindakan bersesuaian mencapai sasaran penggunaannya di negara ini nanti ataupun jika sekiranya adakah alternatif-alternatif lain selain *EV* untuk dilaksanakan dalam jangka masa panjang menjelang tahun 2035 nanti.

**إِنْ شَاءَ اللَّهُ**, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi serta beberapa pihak kementerian yang berkenaan akan membuat satu sidang media mengenai Projek Rintis *EV* yang kaola maksudkan ini pada petang ini nanti.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang Di-Pertua.

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Terima kasih Yang Berhormat atas kenyataan tersebut. Ahli-Ahli Yang Berhormat pada petang semalam persidangan telah mula meneliti dan membahaskan Tajuk-Tajuk Jadual Bagi Rang Undang-Undang (2021)

Perbekalan, 2021/2022 yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, maka bagi membolehkan kita meneruskan perbincangan dan meneliti tajuk-tajuk selanjutnya saya tangguhkan dahulu Majlis Mesyuarat Negara ini untuk kita bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:**  
 بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2021), Perbekalan 2021/2022 satu per satu yang telah pun dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II. Pada petang semalam kita sudah mula membincangkan Jabatan Perdana Menteri iaitu dalam Tajuk SA08A hingga Tajuk SA14A. Bersama saya masih lagi ada senarai Ahli Yang Berhormat yang suka untuk turut serta bagi membahaskan tajuk-tajuk berkenaan.

Saya ingin mengingatkan Ahli-Ahli Yang Berhormat sama ada di sebelah kiri atau di sebelah kanan supaya menumpukan perhatian kita sepenuhnya kepada tajuk-tajuk yang kita bincangkan, dan biarlah soalan-soalan itu ataupun kenyataan-kenyataan itu tepat dan pendek.

Masa kita berlalu dan kita tidak mempunyai masa yang banyak dalam meluluskan Rang Undang-Undang yang berkenaan ini. Saya ingatkan bahawa tempoh permulaan tahun kewangan kita sangat dekat, dari itu, saya mulakan dengan menjemput Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ dan salam sejahtera.

1. Merujuk Tajuk SA08A – Radio Televisyen Brunei. Mengenai dengan siaran RTB. Adakah dalam perancangan RTB untuk memasukkan siaran Nasional RTB ke dalam salah satu saluran *Astro*. Dengan kemasukan siaran RTB ke dalam saluran *Astro*, sudah setentunya dapat mengatasi masalah penduduk tempatan di negara ini yang tidak dapat menerima saluran RTB yang disebabkan beberapa masalah terutama kawasan-kawasan pedalaman;
2. Merujuk Tajuk SA10A – Jabatan Perkhidmatan Awam. Berhubung dengan skim perkhidmatan berpencen, dicadangkan dan dipohonkan supaya skim ini akan dapat dikaji semula khusus untuk dihulurkan dan diberikan kepada pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam yang layak dan memenuhi syarat-syarat dan kelayakan iaitu bagi mereka yang

telah mencapai kenaikan pangkat sebanyak tiga kali kenaikan pangkat iaitu khusus untuk pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam Bahagian IV dan ke atas. Dengan adanya skim ini, ia akan membuat persaingan yang sihat dalam kalangan pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam dan seterusnya boleh meningkatkan motivasi mutu kerja mereka khususnya dan prestasi kementerian dan jabatan amnya. Demikian dicadangkan dan terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:** بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Pengerusi, kaola mohon supaya soalan berikut akan dikemukakan dulu sementara kaola menyiapkan jawapannya.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:** Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ،

1. Saya akan membawa Tajuk SA09A - Jabatan Penerangan. Saya ingin menambah cadangan jika ia belum dilaksanakan bagi Jabatan Penerangan memberigakan usaha kerajaan ke arah Pengukuhan Maqasid Syariah. Pemberigaaan penting bagi kefahaman dan pengetahuan orang ramai, kerana dengan Pengukuhan Maqasid Syariah Kebangsaan

mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam;

2. Seterusnya di bawah Tajuk SA10A – Jabatan Perkhidmatan Awam. Saya ingin untuk membawa berkenaan produktiviti sektor awam dan audit tenaga manusia bagi mencapai *high efficiency* dalam perkhidmatan awam. Sepertimana dalam pengisian jawatan kanan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri kelmarin, saya suka untuk membawa berkenaan *succession planning* kebangsaan yang melibatkan sektor awam dan sektor swasta. *Succession planning* iaitu persediaan awal: *knowledge transfer*, *experience transfer* dan *technology transfer* di sektor awam. Ia penting dibuat secara terperinci, sebagai contoh, setiap ketua jabatan atau pegawai kanan sekurang-kurangnya beberapa tahun yang difikirkan sesuai sebelum pegawai-pegawai bersara disediakan penggantinya yang dikira mampu untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan baik maka tidak timbul cerita isu-isu memangku.

Begitu juga dalam sektor swasta khususnya syarikat *GLC* dan juga bukan *GLC* sangatlah dituntut persediaan *succession planning* dengan melaksanakan *technology transfer*, *knowledge transfer*, *experience transfer* bagi menggantikan penjawat warga asing yang dilihat sehingga berpuluh tahun tidak digantikan dengan orang tempatan

sehingga bersara pun terpaksa disambung.

*Succession Planning* ini juga berkenaan dengan perkara yang panas diperkatakan dalam kalangan pegawai-pegawai masa kini iaitu terdapat di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan, *freshie* langsung ditempatkan di ketua bahagian melintasi pegawai lama. Ini menjadikan pegawai yang sedia ada *demotivated*. *Freshie* orang yang baharu dalam apa jua unit atau bahagian dalam mana-mana jabatan dan kementerian, walaupun ia pemegang *degree, master* atau *PHD*, tetapi dalam urusan pekerjaan dan tanggungjawab perlu mengambil masa untuk belajar dan memahami tugas dan tanggungjawab.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:** Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari atas persoalan yang dibawakan tadi terutama sekali dari segi Jabatan Penerangan. Cadangan daripada Yang Berhormat tadi itu adalah baik dan perlu diambil perhatian dan saya bagi pihak Jabatan Penerangan akan menjadikannya sebagai satu *إن شاء الله* bagi rancangan yang akan datang. Pemberitaan topik Maqasid Syariah adalah berhubung kait dengan Wawasan Brunei 2035. Perkara ini memang menjadi perhatian.

Mengenai *Succession Planning* untuk mencapai *high efficiency productivity*, inilah yang sebenarnya tujuan diadakan

urusan program-program *Flagship CSLP* yang pada masa ini yang sudah beberapa tahun dijalankan iaitu *Young Executive Programme (YEP)*, *Executive Development Programme for Middle Management Officers (EDPMMO)* dan *Executive Development Programme for Senior Government Officers (EDPSGO)*. Program-program ini bertujuan melahirkan pegawai-pegawai ataupun tenaga-tenaga kerja sebagai pengisi *Succession Planning* yang dirancangkan bagi setiap kementerian.

Setiap kementerian sudah mengetahui akan tujuan dan perancangan mereka masing-masing iaitu setiap kementerian mesti mempunyai *Succession Planning* masing-masing.

اللَّحْمَدُ لِلَّهِ, dengan adanya cadangan ataupun pernyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat itu barangkali kementerian-kementerian sangat-sangat berterima kasih dan mengambil perhatian perkara ini dan program-program *flagship* ini akan sentiasa diteruskan bagi mengambil pegawai-pegawai yang boleh diketengahkan bagi menjadi pegawai-pegawai pelapis selanjutnya *إن شاء الله*.

Mengenai soalan yang pertama tadi, Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis menimbulkan skim berpencen itu, *since* ada bersangkutan paut dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, kaola memohon izin untuk mempersilakan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II untuk



memberikan penjelasan sedikit, dipersilakan.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengambil kesempatan untuk menjawab beberapa soalan yang lain dulu.

Pertama sekali, mengenai dengan *Astro* iaitu soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis. Sejak *Astro* dilancarkan dalam beberapa tahun yang lalu, perkara ini pernah dibincangkan dengan pihak *Astro*. Kalau dimasukkan *channel RTB* dalam *Astro* ini melibatkan *satellite uploading programme* dan dinaikkan ke satelit dan sebagainya dengan kosnya yang tinggi, maka itulah yang keputusan dari perbincangan itu dan tidak berbaloi dengan kos yang akan dibelanjai yang hingga kini belum lagi dapat dibuat.

Memang pada masa ini dengan era yang moden ini kabel TV sebagai *Astro* ini tidak lagi *as popular* kalau dibandingkan dengan 10 tahun atau 15 tahun yang lalu. *Astro* di negeri jiran kitani ini pun kurang sudah *popular*, begitu juga dalam negeri ini apatah lagi *subscription* makin kurang dengan *sustainability Astro* kabel TV ini, satu *question mark* pada masa yang akan datang.

Tidaklah perlu lagi kitani membangkitkan perkara ini untuk dimasukkan lagi *channel RTB* ke *Astro*. kalau sekiranya kitani akan melihat *channel RTB* masa ini

*channel RTB go* pun boleh kitani melihat *channelnya*. Itulah masa ini, dalam era moden kitani kalau melihat TV atau program masa ini macam-macam *channel* ataupun *devices* dapat kitani melihat program-program itu tidak semestinya mengharapkan *Astro*.

Satu lagi soalan mengenai *Succession Planning* bagi *GLC*. Kalau dilihat pada masa ini yang *GLC* di bawah *Darussalam Assets* pada masa ini kalau dilihat kakitangan tempatan dengan *expatriate ratio* pada masa ini lebih kurang 85% orang tempatan. Ada 14%-15% orang luar, kalau orang luar, kebanyakan *nurses* di *JPMC*. Itu satu usaha untuk kitani perlahan-lahan *take over* daripada orang luar. Ada jua sebelum ini iaitu sebelum *COVID-19* kebanyakan *pilot* dan sebagainya di *Royal Brunei* dipegang oleh orang luar pada masa ini dan disebabkan oleh *COVID-19* itu *foreign pilot* sudah menurun.

Mengenai soalan perkhidmatan awam berpencen, kalau boleh barangkali kaola akan *check* dulu soalan ini, kalau ada kesempatan untuk menjawab soalan itu nanti, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
 dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, kaola bercakap mengenai Tajuk SA08A dan Tajuk SA90A.

Dalam Tajuk SA08A - Radio Television Brunei dengan jumlah anggaran perbelanjaan diperuntukkan \$40,413,480.00. Kaola akan bercakap khusus untuk Kod Akaun 003-001 - Perkhidmatan Teknikal / Perbelanjaan Berulang-ulang \$1,978,710.00.

Telah dimaklumkan oleh sebahagian penduduk dan rakyat di negara ini bahawa Stesen Pemancar Bukit Subok dan Stesen Pemancar Andulau adalah hala antena TV ditujukan mengikut kawasan tertentu untuk mendapatkan pancaran atau gambaran TV yang terang. Peralatan lain pula selain antena ialah *booster* dan *receiver* atau *SD box* semua penduduk mengetahuinya, maka setentunya ada yang tidak menikmati siaran TV Brunei ini dengan gambar yang jelas dan terang sejak pertukaran dari analog ke digital TV kerana ada yang tidak mengetahui akan adanya keperluan penggunaan peralatan ini.

Jadi, dengan kegagalan mendapatkan peralatan ini, maka siaran TV Brunei tidak dapat dinikmati dan sudah tentu selamanya segala maklumat dan berita penting negara tidak dapat dikecapi. Selain itu, kerana tidak berkemampuan membeli peralatan ini, maka soalan kaola:

1. Apakah pihak RTB ada keupayaan meneruskan lagi program 'bedudun' seperti yang dilakukan oleh pegawai-

pegawai dan kakitangan teknikal RTB ke Zon 2 Daerah Tutong baru-baru ini untuk memberigakan dan memperkenalkan keperluan peralatan-peralatan tersebut di atas dan memaklumkan kepada mereka, stesen-stesen pancaran mana yang sesuai hala antena ditujukan; dan

2. Peralatan-peralatan keperluan TV ini agak mahal, maka sudah tentu sukar bagi orang yang tidak berkemampuan mendapatkannya. Oleh itu, menerusi peruntukan Aktiviti Perkhidmatan Teknikal yang telah disebutkan di atas tadi, adakah boleh diagihkan sedikit secara bertahap untuk pembelian peralatan ini diberikan secara subsidi kepada mereka yang tidak berkemampuan?

Seterusnya kaola bercakap mengenai Tajuk SA09A – Jabatan Penerangan dengan jumlah peruntukan \$8,710,880.00 iaitu khusus untuk Kod 003/001 – Program Aktiviti, Program-Program Kesedaran, Aktiviti-Aktiviti Pembelajaran dan Pengetahuan, Akaun Perkhidmatan Awam dengan Perbelanjaan Berulang-Ulang \$197,240.00.

Yang Berhormat Pengerusi. Jabatan Penerangan setentunya berperanan untuk meningkatkan kesedaran sivik dalam kalangan remaja dan belia ke arah pembentukan minda, moral dan sosial yang positif serta menimbulkan semangat hidup berbangsa dan beragama.

Sehubungan itu, selain program jerayawara dan taklimat MIB, bendera

negara dan lagu kebangsaan, pertandingan koir, patriotik, pentarama, adakah Jabatan Penerangan berura-ura untuk melaksanakan pendekatan menyalurkan aktiviti misalnya:

1. Menerusi mengguna pakai telefon bimbit yang lebih kerap di tangan-tangan para remaja, belia dan termasuk juga kita warga emas. Misalnya, melaksanakan aktiviti-aktiviti pertandingan mengambil gambar-gambar bersejarah, gambar peristiwa kenegaraan, gambar kenali negara dan kampung kitani, dan setiap gambar yang dipertandingkan ini dinyatakan peristiwa atau maklumat yang bertemakan 'kesedaran sivik'. Ia sangat mudah dan setiap remaja atau belia mempunyai peluang luas kerana tidak memerlukan kamera yang canggih, malah boleh menarik ramai remaja menyertai program ini.;
2. Menerusi sukan-sukan kegemaran dengan menerapkan kesedaran moral, sosial positif, semangat kebangsaan, pembentukan jati diri dan sukan ekstrem.; dan
3. Menerusi penulisan kreatif, penulisan rencana dan syarahan untuk mengasah minda, ekspresi cara berfikir dan menuangkan idea gagasan negara.

Maka dengan melaksanakan aktiviti-aktiviti ini diharap para remaja dan belia ini sekurang-kurangnya akan menjadi rakyat masa depan negara yang bertanggungjawab, tabah menghadapi cabaran, amanah, cemerlang dan

produktif serta kreatif terhadap sesuatu tugas yang dibanggakan.

Sekian sahaja daripada kaola, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:** Terima kasih Yang Berhormat yang telah menyentuh mengenai RTB dan Jabatan Penerangan.

اللَّهُمَّ apa yang telah disebut dan disentuh oleh Yang Berhormat itu pihak RTB terutama sekali dalam program 'bedudunya' telah pun menjalankannya tetapi disebabkan barangkali masalah-masalah masa dan ruang yang begitu terhad di samping beberapa perkara yang menyangkut dari segi program-program yang lain, maka program-program 'bedudun' itu masih lagi terhad dan perkara ini akan terus dilaksanakan mengikut kesesuaian masa dan ruang-ruang yang terdapat.

Mengenai peralatan yang agak mahal meminta subsidi bagi yang tidak berkemampuan barangkali RTB sudah mengadakan pertolongan dengan 'mengaga' ke kampung-kampung yang tempatnya kurang jelas penerimaannya untuk memandu ataupun mengajar dan menunjukkan cara-cara penggunaan alat penerimaan itu menuju sasarannya yang betul dan tepat.

اللَّهُمَّ bagi tempat-tempat yang telah diberikan penerangan dan pengajaran itu telah dapat menerima siaran-siaran dengan baik. Cuma, barangkali ada lagi beberapa kawasan yang belum sempat 'diaga' dan memohon kerjasama daripada pihak Yang Berhormat ataupun ketua kampung melaporkan perkara ini

kepada pihak RTB mana-mana tempat lagi yang memerlukan tunjuk ajar yang perlu dibuat.

Yang demikian barangkali tidak perlu lagi kitani membelikan alat-alat penerimaan yang lebih *sophisticated* kerana seperti yang telah dikatakan penerimaan ini tergantung pada cuaca dan sebagainya dan perkara ini perlulah jua difikirkan bersama.

Mengenai perancangan-perancangan Jabatan Penerangan, untuk membangunkan kesedaran sivik, patriotik, patriotisme dan sebagainya, ini satu perkara yang sangat dialu-alukan dan **اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ** Jabatan Penerangan memang mempunyai program-program tertentu untuk membangunkan kesedaran sivik kepada seluruh rakyat terutama anak-anak muda, anak-anak sekolah dan sebagainya dalam program-programnya yang telah berjalan sekarang ini.

Manakala program-program seperti yang dicadangkan Yang Berhormat itu akan juga dimasukkan. Untuk makluman, barangkali surat khabar rasmi kitani "Pelita Brunei" ada menyediakan ruang-ruang yang tertentu untuk para belia, anak-anak sekolah dan sebagainya untuk menyertai dan menyumbangkan buah fikiran mereka masing-masing baik dari segi penulisan, perancangan, cerita dan sebagainya dengan kemampuan dan kebolehan menyampaikan hasrat ataupun pandangan mereka masing-masing.

Jadi walau bagaimanapun, saranan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat itu akan boleh diambil perhatian dan

akan dijadikan salah satu perancangan bagi masa-masa yang akan datang bagi Jabatan Penerangan dan sebagainya. Itu sahaja dahulu Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:**  
Dipersilakan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

**Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** dan salam permata hijau. Saya ingin merujuk Tajuk SA11A – Jabatan Perkhidmatan Pengurusan. Lebih dahulu, diucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada Jabatan Perdana Menteri kerana telah berjaya mengadakan Jerayawara Perkhidmatan Awam di Daerah Temburong pada 4 Mac 2021 yang lalu.

Beberapa agensi kerajaan juga turut serta mengadakan pameran semasa jerayawara tersebut dan banyak isu atau pertanyaan yang diajukan oleh kakitangan yang berkhidmat khususnya di Daerah Temburong.

Menyentuh bagi meningkatkan produktiviti perkhidmatan awam seperti yang disampaikan dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri semalam iaitu mengenai meningkatkan produktiviti perkhidmatan awam.

Seperti kita maklum penjawat Perkhidmatan awam yang berkualiti tinggi merupakan aset penting terhadap kejayaan sebuah organisasi yang cemerlang dan mantap. Sifat amanah telus, tanggungjawab dan berhemah

demi kepentingan awam merupakan intipati kepada istilah integriti dan etika bagi meningkatkan produktiviti perkhidmatan awam. Pertanyaan saya ingin juga mengetahui sejauh manakah pemahaman pekhidmatan awam terhadap integriti dan etika yang dilaksanakan di sektor Pkhidmatan Awam.

Sejauh ini, adakah sudah dibuat penilaian mengenainya. Jika ada ingin mengetahui dapatan dari hasil kejayaan berkenaan. Di samping ini juga saya turut menyokong beberapa program tertentu mengenainya. Saya juga ingin memberikan beberapa saranan antara lain.

1. Setiap kakitangan perkhidmatan awam hendaklah diwajibkan mengikut program-program peningkatan produktiviti perkhidmatan awam yang diadakan;
2. Menambah nilai tambah kepada program-program yang sedia seperti mengadakan bengkel, kursus, jerayawara dan seumpamanya bagi meningkatkan kefahaman dan penghayatan mereka terhadap etika kerja peraturan di tempat kerja dan seumpamanya; dan
3. Meningkatkan lebih ditekankan kepada etika kerja mengikut ajaran Islam dan menghayatinya.

Yang Berhormat Pengerusi, mungkin juga kaola ingin menyentuh salah satu daripada sebab menurunnya kakitangan perkhidmatan awam iaitu gangguan seksual di tempat kerja. Sepertimana

yang disampaikan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat semalam.

Mengikut kajian yang diterima dari Pasukan Polis Diraja Brunei iaitu 45% di tempat kerja gangguan seksual di Amerika Syarikat 54%, di Republik Singapura dan di negara kita 55% yang menghadapi gangguan seksual ini 75% tidak mahu melapor kes ini dan 84% tidak mengetahui adanya perlindungan undang-undang.

Dalam menangani atau sekurang-kurangnya mengurangi isu gangguan seksual di tempat kerja beberapa perkara boleh kitani laksanakan:

1. Pemasangan *cctv* di tempat kerja;
2. Ruang bilik pejabat yang bersesuaian dan pintu yang bersesuaian
4. Penggunaan media massa dan media cetak yang bersesuaian; dan
5. Mengadakan jerayawara taklimat melibatkan pegawai-pegawai atasan secara berterusan dan menilai semula akan akta dan undang-undang peraturan mengenainya di samping kita sentiasa berpegang teguh kepada ajaran agama Islam.

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:** Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu mengenai persoalan-persoalan

yang telah dikemukakan. Bisaitah kaola terus kepada perkara dikemukakan yang akhir ini iaitu gangguan seksual (*seksual harassment*) yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari semalam.

Isu gangguan seksual adalah isu global yang mempunyai potensi untuk merosakkan keharmonian sesebuah organisasi yang mengakibatkan tekanan emosi kepada pengadu yang menyebabkan hilang fokus kepada kerja atau lebih teruk lagi merasa kemurungan (*stress*). Isu gangguan seksual suatu yang sukar untuk didefinisikan atau diistilahkan serta melaksanakan pemantuan kerana ianya boleh disalah ertikan atau disalah gunakan bagi menjatuhkan rasa orang atau apa jua sebab.

Berkaitan dengan cadangan yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu dan Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari. Bagi pihak kerajaan dan sektor swasta untuk mempunyai *code of conduct* untuk meningkatkan kesedaran orang ramai dalam permasalahan gangguan seksual.

Jabatan Perdana Menteri melalui Jabatan Perkhidmatan Awam telah pun membuat satu inisiatif dalam penyediaan garis panduan gangguan seksual. Pada masa ini ianya adalah dalam proses penelitian lanjut bersama-sama dengan pihak-pihak yang berkepentingan dengan mengambil kira pendekatan secara proaktif dalam meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai dengan gangguan

seksual dan tata cara untuk mengelakkan risiko gangguan seksual tersebut.

Garis panduan tersebut bertujuan untuk memberikan panduan mengenai tindakan-tindakan yang perlu diambil oleh agensi berkuasa akan sebarang laporan mengenai aduan yang berkaitan. Memberikan panduan mengenai tindakan ke atas salah guna dan tindak tanduk yang tidak bertanggungjawab seperti melaporkan aduan keterangan palsu.

Garis panduan tersebut juga mengambil kira juga mensejajar akta dan peraturan-peraturan yang mengawal pada masa ini iaitu beberapa akta dan peraturan-peraturan ada diberikan. Di antaranya ialah Peraturan Am-Peraturan Am Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib), 1961, Penggal B peraturan 29 "Manamana kelakuan seseorang pegawai yang membawa jatuhnya maruah perkhidmatan awam mestilah dilaporkan oleh pegawai yang lebih tinggi sedikit daripadanya atau oleh pegawai yang kanan di stesennya itu melalui saluran-saluran yang betul kepada Penguasa Tatatertib".

*Laws of Brunei, Penal Code Chapter 22 para 509 di bawah tajuk worth, gesture or act intended to insult modesty of women. Whoever who intending to insulting the modesty of any women make any sound or gesture exhibit or any object intendings any such word, sound shall we heard or that such gesture, or object shall we seen by such women or intrude on the privacy and such women*

*should be punish with imprisonment about the term not exceeding 3 years and fine. Ada lagi Law of Brunei chapter 30, minor offences act part 3 para 19 di bawah tajuk indecent (indecent word).*

Kemudian ada Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah Penggal 4 Bab 157 di bawah tajuk Perbuatan Perkara Yang Tidak Sopan semua perkara ini bertujuan untuk membendung, melarang perbuatan-perbuatan yang boleh dikatakan mengganggu ketenteraman perkhidmatan awam.

Bahagian Perkhidmatan Kaunseling Jabatan Perkhidmatan Awam setakat ini secara rasmi baru menerima kes-kes tersebut yang tehad kerana ketiadaan orang-orang yang sanggup memberikan kejasama aduan-aduan dan sebagainya perkara ini memang menjadi perhatian dalam peraturan-peraturan yang sedia ada.

Perkara yang lain yang dikatakan oleh Yang Berhormat mengenai produktiviti Jabatan Perkhidmatan Awam. Perkara ini diambil perhatian serius kerana Jabatan Perkhidmatan Awam telah sedia ada menjalankan kajian-kajian terhadap integriti pegawai-pegawainya dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* barangkali bila sudah ada dapatan-dapatannya itu akan dikongsikan bersama kepada Yang Berhormat nanti.

Jabatan Perkhidmatan Awam di samping kerja-kerja tersebut sedang giat menjalankan jerayawara ke daerah-daerah seperti yang berlaku di Daerah Temburong dan akan dilaratkan ke Daerah Tutong dan Belait. Perkara ini akan semua bertujuan untuk

menerbitkan atau menambah integriti dan keupayaan pegawai-pegawai kerajaan perkhidmatan awam dalam menjalankan tugas masing-masing dan yang penting sekali ialah penekanan terhadap nilai-nilai ugama apa jua langkah-langkah yang dijalankan dalam apa jua rancangan perkhidmatan awam. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin merujuk balik semula kepada soalan dan cadangan yang diajukan oleh Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis mengenai Skim Pencen dikaji semula untuk dihulurkan kepada pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam yang sudah mencapai kenaikan pangkat sebanyak 3 kali khususnya dalam Bahagian IV ke atas.

Mula-mula kaola kurang faham dengan soalan ini kerana sebenarnya TAP satu skim pencen juga barangkali apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Awang Naim itu barangkali pencen yang sebelum ini dihulurkan kepada pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam sebelum TAP ditubuhkan.

Barangkali perkara ini bagi orang ramai dalam perkhidmatan awam suka dengan Skim Pencen yang sebelum TAP itu tapi sejak TAP ditubuhkan pada tahun 1993, apa yang penting masa ini untuk kitani meneliti cara untuk memperbaiki lagi Skim TAP itu, tidak dapat lagi kitani kira berbalik-balik lagi ke skim lama dan sebagainya. Dengan cadangan untuk dihulurkan Skim Pencen sebelum ini bagi pegawai dan kakitangan sudah mencapai

kenaikan pangkat 3 kali ini, mungkin satu cadangan boleh *subject to abuse*, so itulah seperti yang kaola sampaikan dalam kertas pembentangan Rang Undang-Undang.

Pada masa ini, Skim TAP dalam penelitian, apa yang penting kitani mesti meneliti sehalus-halusnyalah. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kalau berjaya Skim TAP yang masa ini diteliti dengan Lembaga Pengarah dan Pengurusan TAP itu, kalau berjaya ia akan diumumkan kepada orang ramai dalam masa terdekat, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput.

**Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, kaola sukacita membawa Tajuk SA10A – Jabatan Perkhidmatan Awam. Seperti yang dimaklumi, bahawa masih terdapat jawatan *open vote* dalam jabatan kerajaan. Perkara ini pernah diusulkan oleh rakan sejawat pada tahun 2017 yang lalu. Jawatan ini adalah bersifat sementara sahaja dan bukan bersifat *establish post*. Kaola mengusulkan jika boleh jawatan *open vote* ini direviu balik dan apakah implikasinya jika jawatan *open vote* ini ditiadakan dan ditukar menjadi jawatan tetap. Sekian disampaikan dan terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:** Yang Berhormat Pengerusi. Kaola menjemput Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II mengenai *open vote* ini, silakan.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai isu *open vote* pada masa ini Kementerian Kewangan dan Ekonomi sedang berbincang dengan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mengatasi isu *open vote* ini kerana *open vote* masa ini bukannya *establish post*, sudah lama-lama, jadi siapa dalam *open vote* itu berbeza daripada pegawai dan kakitangan lain. So perkara ini dalam penelitian, **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kalau berjaya akan diubah suai. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ** dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola menyentuh Tajuk SA10A – Jabatan Perkhidmatan Awam. Izinkan kaola menyentuh beberapa perkara:

1. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam



sentiasa menekankan aspek kerohanian dan agama dalam perkhidmatan awam. Sejauh manakah kursus-kursus pembangunan eksekutif yang dikendalikan oleh JPA menerapkan perkara ini.;

2. Masih kedengaran sebahagian jabatan-jabatan kerajaan menghadapi kekurangan tenaga kerja tetapi sebahagian yang lain melebihi keperluan. Sejauh manakah peranan SPA atau JPA memantau dan menyelaras perkara ini.; dan
3. Sejauh manakah keselarasan dan keberkesanan penganugerahan biasiswa luar negara dengan keperluan negara. Difahamkan ramai yang masih menganggur disebabkan tidak ada peluang pekerjaan setelah menamatkan pengajian termasuk mereka yang menerima biasiswa bagi pengajian di luar negara. Cadangan kaola, penganugerahan biasiswa perlu diselaraskan dengan keperluan sebaliknya mereka diikat bekerja dengan kerajaan setelah tamat pengajian.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:** Terima kasih Yang Berhormat mengenai aspek-aspek kerohanian yang disentuh. Memang menjadi dasar dan langkah Jabatan Perkhidmatan Awam dan juga jabatan-jabatan yang ada dalam kementerian-kementerian untuk menerapkan aspek-aspek kerohanian kepada siapa jua anggota-anggota perkhidmatan awam untuk lebih menghayati dan

membekalkan mereka dengan pegangan-pegangan keagamaan yang kuat dan teguh sepertimana yang dihasratkan oleh negara apatah lagi perkara ini telah dititahkan sendiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Perkara ini *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*, akan dipantau dan dikuatkan lagi pelaksanaannya dengan kerjasama semua pihak *whole of nation approach* dan *whole of government approach* terutama sekali kementerian-kementerian yang mempunyai pegawai-pegawai yang ramai dan sebagainya.

*اللَّحْمَدُ لِلَّهِ*, sejauh yang telah dijalankan dalam apa-apa juga kursus dan seminar yang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, kerjasama dari pihak yang berkenaan terutama universiti-universiti kitani di Negara Brunei Darussalam ini terutama Universiti Islam Sultan Sharif Ali yang selalu dibawa bersama dalam apa-apa juga program perkhidmatan awam untuk memasukkan atau menyalurkan fahaman-fahaman atau pegangan keagamaan kepada peserta-peserta.

Mengenai dengan penganugerahan ke luar negeri ini, perlu diselaraskan dengan kehendak ini. Perkara ini memerlukan satu penelitian daripada semua pihak yang terlibat terutama sekali Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan juga Jabatan Perdana Menteri sendiri dalam mengukur dan apa yang perlu dibuat terhadap anugerah-anugerah tersebut

supaya ia selaras dengan apa yang dikehendaki.

Walau bagaimanapun, kalau kitani sekat-sekat mungkin akan mengurangkan motivasi kepada pelajar-pelajar untuk mempertingkatkan lagi keazaman mereka untuk memperolehi kejayaan. Perkara ini perlu juga kitani bincangkan dan fikirkan bersama, biar seimbang, jangan berat sebelah atau jangan mengakibatkan satu pihak atau bahagian yang akan berkurangan. Jadi perkara ini perlu diperhatikan dan dibincangkan dengan pihak-pihak yang berkenaan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

**Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan selamat sejahtera. Kaola sukacita bercakap mengenai Tajuk SA08A – Radio Televisyen Brunei. Sejak Radio Televisyen Brunei (RTB) beralih ke sistem digital pada tahun 2009, banyak perkembangan yang telah pun dicapai terutama sekali ke arah meluaskan siaran RTB kepada pengguna.

Kini siaran RTB sudah boleh dilihat melalui telefon bimbit secara atas talian dan *internet*. Sehubungan dengan itu pula ingin tahu apakah ada kajian dan penilaian telah pun dibuat bagi mengenal pasti bahawa siaran RTB telah pun tercapai seperti keramaian penonton khususnya penduduk Negara Brunei

Darussalam dan yang kedua juga kualiti siaran dan rancangan TV dan menambah baik siaran dan perkhidmatan.

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Menteri Di Jabatan**

**Perdana Menteri:** Terima kasih Yang Berhormat mengenai siaran TV seperti yang telah disuarakan tadi. Perkara-perkara yang bersangkutan paut dengan penyiaran ataupun siaran-siaran RTB dapat dicapai ataupun lihat oleh sesiapa sahaja terutama di Negara Brunei Darussalam ini dan memang sudah masanya siaran RTB adalah siaran yang utama bagi kitani di Brunei ini, ganya kitani sendiri yang tidak mahu melihat ataupun tidak mempunyai kesedaran patriotisme dalam siaran-siaran terbitan sendiri.

Usaha-usaha RTB untuk memastikan liputan rangkaian akan dipertingkatkan melalui pemasangan-pemasangan peralatan yang dinamakan *repeaters and gap fillers* di beberapa kawasan yang memerlukan dalam memastikan siaran yang lebih *accessible* kepada penduduk-penduduk, pihak RTB sentiasa melawat ke kawasan-kawasan pedalaman untuk memastikan *network coverage* sampai dan menangani dalam masalah-masalah teknikal yang telah dialami oleh penduduk-penduduk kampung, program ini masih dijalankan.

Walau bagaimanapun, orang awam dialu-alukan untuk memberi sebarang maklumat untuk makluman bersama, siaran TV termasuk *RTB Go* boleh mencapai *international audience* selajur

meningkatkan atau mengembangkan *scop audience*, di mana-mana *audience* nya dengan hanya memerlukan rangkaian *internet* dan ia boleh diakses melalui *mobile devices* seperti *laptop*, telefon bimbit, *tablet* dan sebagainya.

RTB termasuk *RTB Go* juga dapat mengekalkan *audience* lama dan baharu. Masa ini, *audience* RTB termasuk *RTB Go* sudah mencapai 381,857 pengguna *audience* di luar negeri dan dalam negeri. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:** Terima kasih Yang Berhormat. Ada 11 persoalan dan soalan akan dibacakan.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Jangantah banyak kali. Soalan itu dikedikkan sahaja barangkali. Kalau terlampau banyak jadi orang pun susahkan menjawab. Sekiranya kita mahu ada *venue* lain, yang lain daripada majlis kitani ini, biskita bawa soalan-soalan yang ditimbulkan dengan cara *everyday need* (keperluan harian), anak-anak kampung dan seumpamanya itu boleh biskita kemukakan dalam perjumpaan-perjumpaan biskita ataupun kalau sekiranya biskita ada keyakinan yang kukuh, ada soalan-soalan yang mesti dijawab ataupun perlu mendapat jawapan boleh terus kepada menteri yang berkenaan, tidak menjadi masalah. Kitani di sini berhadapan dengan keperluan kitani untuk meluluskan bajet ini. Sekali lagi, saya minta dan sekali lagi saya nyatakan bahawa keperluan kitani

sangat mendesak. 1 April 2021 bermulanya tahun kewangan kitani.

Kalau tidak lulus susah sedikit pegawai kerajaan tidak bergaji barangkali, macam mana gaya kitani. Jadi itulah saya minta, biskita pun tidak mendapat elaun, jadi saya mintalah kalau sekiranya biskita bekerjasama 'lakaskantah' bajet tahun ini barangkali, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* kalau tahun hadapan bolehlah dipanjang-panjangkan mesyuarat. Masa kitani terdesak dengan keadaan masa yang memerlukan kitani membuat keadaan seperti ini. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:**

Kaola ingin menambah sedikit Yang Berhormat Pengerusi kalau boleh apa-apa soalan itu bolehlah terus serahkan kepada pihak kaola untuk kaola membuat tindakan-tindakan selanjutnya. Terima kasih.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:** Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin, saya berikan 3 soalan sahaja. Jangan kita putus asa yang kami tidak memberi kesempatan kepada kita.

**Yang Berhormat Awang Haji Tahamit bin Haji Nudin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

1. Cadangan penambahbaikan risalah dalam bidang penyelidikan. Kaola mencadangkan agar diberikan penambahbaikkkan terhadap cetakan risalah supaya lebih kelihatan menarik agar dapat menggalakkan para pembaca yang pada masa kini yang lebih banyak menggunakan bahan

elektronik seperti *handphone, i-pad* dan *laptop*. Berdasarkan keadaan semasa, cetakan perubahan mengikut kepada trend semasa dan mengikut garis panduan *green environment*. Selain bahan cetakan *hard copy*, ia perlu didigitalisasikan sejajar dengan *green environment* pada masa kini dan supaya ia akan mudah diakses oleh semua golongan sama ada di pejabat, institusi-institusi pendidikan mahupun di tempat-tempat persendirian.

Selain itu, kaola juga mencadangkan agar pihak kerajaan akan dapat megurangkan promosi menggunakan poster dalam bentuk *hard copy*. Sebagai alternatif setiap promosi berkenaan aktiviti dan program Jabatan Penyelidikan dapat dihebahkan melalui e-mel, *facebook*, perkhidmatan *SMS, whatsapp* dan melalui laman sesawang atau *portal* tertentu ;

2. Program jabatan dihebahkan secara *live streaming* melalui *channel* atau platform tertentu yakni Jabatan Perkhidmatan Awam. Kaola mencadangkan agar program-program pihak kerajaan akan dapat disalurkan melalui radio secara *live streaming* atau melalui sosial media seperti *Facebook* dan *Instagram*.

Status *Facebook* dan *Instagram* perlu *update* dalam waktu yang sama selaras dengan program jabatan-jabatan kerajaan mengikut jadual satu-satu program. Sekiranya program sesuatu jabatan hanya

diwartakan secara bertulis atau melalui siaran radio, siaran tv sahaja kemungkinan sesuatu maklumat yang ingin disampaikan tidak mencapai objektif sesuatu Jabatan Perkhidmatan Awam. ; dan

3. e-Penyata Gaji jabatan (Jabatan Perkhidmatan Awam). Kaola ingin mencadangkan agar pihak yang berkenaan akan dapat meningkatkan prestasi capaian sistem e-Penyata Gaji dan laporan mengenainya terutama pada minggu menerima gaji kerana sistem perkhidmatan sering perlahan dan bermasalah pada waktu-waktu tersebut.

Selain itu, aduan mengenai e-Penyata Gaji atau pencen perlu diwujudkan *portal* mengenainya agar memudahkan golongan yang berkenaan mengakses menghantar sebarang pertanyaan dan permasalahan yang dihadapi. Ini juga secara tidak langsung akan dapat membantu memudahkan urusan pihak kerajaan dalam menangani masalah kakitangan, penerimaan gaji, elaun dan yang seumpamanya. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

#### **Yang Berhormat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri:**

Terima kasih Yang Berhormat mengenai perkara-perkara bersangkutan paut dengan Jabatan Perkhidmatan Awam, RTB dan Jabatan Penerangan tentang penambahbaikan pencetakan risalah dan sebagainya agar lebih menarik. Perkara

ini sentiasa dalam pemikiran dan berjalan terus dari semasa ke semasa dan *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* pandangan-pandangan itu juga akan diambil perhatian.

Promosi-promosi dalam *hard copy* akan dikurangkan, kitani jalankan jua tetapi di samping itu kitani tambah dengan promosi-promosi yang boleh dilalui secara media umum dan dapat disalurkan secara *live stream* dan sebagainya. Semua ini boleh dilakukan dan dijalankan dengan cara mudah dan sebagainya.

Mengenai *e-Payment* gaji *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* tergantung pada Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II akan menjawab.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Mengenai dengan *e-Payment*, *e-Gaji Slip* dan sebagainya. Pada masa ini tiada *e-Penyata Gaji* tapi sepertimana yang kaola sampaikan kelmarin pagi, ada satu sistem dilaksanakan oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi bekerjasama dengan Jabatan Perdana Menteri iaitu Sistem Pengurusan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam.

Dalam sistem ini, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* kalau sudah siap nanti tidak lagi akan memakai *hard copy payment* gaji slip dan sebagainya, memang pakai *e-Payment*, *e-Gaji Slip*, sama juga bagi kakitangan untuk memohon cuti dan sebagainya

dapatlah memohon melalui *online* dalam sistem ini. Tidak lagi perlu menghantar borang dan sebagainya. Itulah beberapa langkah untuk mengurangkan hard copy ataupun kertas-kertas.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, cukup sekian kitani membahaskan Tajuk SA08A hingga SA14A. Maka tajuk-tajuk ini sekarang saya undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju untuk diluluskan, sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)**

Terima kasih.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:** Tajuk SA08A hingga SA14A - Jabatan Perdana Menteri dijadikan sebahagian daripada Jadual. Jabatan Perdana Menteri bagi Tajuk SA16A hingga Tajuk SA26A.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, mesyuarat Jawatankuasa beralih kepada Tajuk SA16A hingga Tajuk SA26A - Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya. Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.

**Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terimakasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola membawa Tajuk SA21A - Pejabat Peguam Negara, Kod Akaun 002-000 -

Perkhidmatan Undang-Undang Kepada Kerajaan. Dalam pelaksanaan kerajaan untuk menjalankan projek-projek kemajuan menaik taraf dan lain-lain, kecekapan jangka masa projek dan proses pentadbiran akan memberi kesan kepada penyampaian atau *delivery*. Pejabat Peguam Negara menjalankan peranan sebagai peguam kerajaan dan kaola difahamkan proses mereviu kontrak kelulusan perlu dibuat melalui Pejabat Peguam Negara. Kaola mengambil maklum yang dari semasa ke semasa pengisian tenaga kerja adalah satu cabaran untuk meneliti kontrak dalam masa yang tersekat.

Sehubungan itu, kaola ingin mencadangkan bagi Pejabat Peguam Negara untuk bekerjasama dengan pengamal undang-undang dari sektor swasta. Bagi pengurusan kontrak yang berulang-ulang, seperti contoh kontrak *renewal* ataupun kontrak yang standard. Ini membolehkan maklum balas kepada kementerian-kementerian akan lebih efisien dan membuka lebih banyak peluang di bawah industri perkhidmatan atau *services industry*. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:** Terima kasih Yang Berhormat mengenai menaik taraf ataupun mereviu kontrak-kontrak apa-apa saja perancangan yang diselenggarakan dan perkara ini adalah satu perkara yang mungkin akan memakan masa kerana sifatnya sebagai undang-undang maka ia tentu akan memerlukan penelitian dan kajian yang terperinci supaya jangan nanti apabila

sudah peraturan ataupun kontrak itu ditandatangani tiba-tiba didapati *loop hole* yang boleh menjadikan perkara itu tidak dapat dijadikan sebagai satu rujukan yang boleh dipegang. Walau bagaimanapun, perkara ini akan dirundingkan bersama pihak Pejabat Peguam Negara dalam meneliti kontrak-kontrak yang telah dijalankan itu. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Saya membawa Tajuk SA16A - Jabatan Mufti Kerajaan. Seperti yang sama-sama kita ketahui Jabatan Mufti Kerajaan terdapat banyak manuskrip lama yang sangat tinggi nilainya. Apakah ada SOP yang diguna pakai bagi memastikan manuskrip yang didapatkan daripada luar negara benar-benar asli jika ia dinyatakan asli?; dan Adakah Jabatan Mufti Kerajaan terdapat pakar-pakar *conservation* kertas yang diperlukan untuk pemuliharaan kertas-kertas manuskrip yang sangat tinggi nilainya itu?; dan jika ada perancangan Jabatan Mufti Kerajaan mengeluarkan fatwa berkenaan hasil daripada mana-mana jua pendapat yang bersumber daripada pelanggaran peraturan dan Undang-Undang Negara Brunei Darussalam?

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri:** Terima kasih Yang Berhormat mengenai Jabatan Mufti Kerajaan iaitu manuskrip-manuskrip lama dari segi penilaiannya memang ada satu badan khas untuk meneliti dan menilai manuskrip-manuskrip lama yang didapati, diserahkan ataupun dihadiahkan kepada pihak Jabatan Mufti Kerajaan dan biasanya manuskrip-manuskrip lama yang terdapat di Jabatan Mufti Kerajaan manuskrip hasil koleksi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang dengan sendirinya perkara ini membawa pengertian kitani bahawasanya itu manuskrip yang diakui tulen dan betul. Pakar-pakar di bahagian manuskrip ini terdiri daripada orang-orang yang telah lama berkecimpung dalam melihat dan menilai manuskrip-manuskrip ataupun bahan-bahan yang telah dibawa kepada Jabatan Mufti Kerajaan terutama di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang baru ditubuhkan baru-baru ini dan masalah-masalah pelanggaran dari segi ketulenan, kesahihan ataupun *authenticity* setiap manuskrip itu menjadi perkara puncak bagi Jabatan Mufti Kerajaan untuk menelitinya dan perkara ini selalu dirujuk kepada pakar-pakar yang tertentu baik dalam mahupun luar negeri. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat saya kira tidak ada lagi Ahli-Ahli yang ingin untuk membahaskan Tajuk SA16A hingga Tajuk SA26A maka

tajuk-tajuk ini sekarang saya undi. Yang bersetuju sila angkat tangan.

**(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)**

Terima kasih.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:** Tajuk SA16A hingga Tajuk SA26A - Jabatan Perdana Menteri, dijadikan sebahagian daripada Jadual. Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Tajuk SC01A.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya telah difahamkan bahawa Menteri Pertahanan II belum dapat menghadiri mesyuarat ini kerana ia mempunyai tugas yang lain. Maka sekarang kita berpindah kepada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Sebelum tajuk ini saya bukakan untuk dibahaskan saya ingin memberi peluang kepada Yang Berhormat Menteri untuk membentangkan penerangannya berhubung dengan hala tuju dan penyediaan belanjawan yang disediakan bagi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri:** بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ dan selamat pagi. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi sekali lagi memberi peluang bagi kaola menyampaikan mukadimah di Dewan yang mulia ini. Dalam pada itu, kaola ingin mengambil kesempatan ini untuk mengongsikan fokus-fokus utama Kementerian Hal

Ehwal Luar Negeri dalam pembentangan Belanjawan Tahun 2021-2022 dan juga inisiatif-inisiatif kementerian ini.

Yang Berhormat Pengerusi. اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ setelah meneliti sepenuhnya keperluan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri kaola ingin memaklumkan peruntukan yang diperlukan adalah berjumlah \$122,268,43.00 bagi Tahun Kewangan 2021-2022 dan ini bolehlah dibahagikan kepada tiga bahagian utama seperti yang akan kaola terangkan:

1. Sejumlah \$42,100,186.00 untuk Gaji Pegawai-Pegawai dan Kakitangan.;
2. \$20,863,490.00 Untuk Perbelanjaan Berulang-Ulang.;
3. \$9,304,367.00 Untuk Perbelanjaan Kemajuan RKN.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, selain daripada meneruskan usaha meningkatkan hubungan bersama negara-negara sahabat serantau mahupun antarabangsa serta juga selaku wakil kesemua agensi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di luar negeri mahupun perantara bagi perwakilan-perwakilan asing yang berada di dalam negeri serta juga menawarkan bantuan-bantuan *consular* kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, pada tahun ini juga akan menumpukan perhatian kepada kerja-kerja selaku Pengerusi *ASEAN*. Apa yang dilihat dunia kini telah berubah sejak

negara kita mempengerusikan *ASEAN* terakhir pada tahun 2013.

Di samping itu, dari semua cabaran yang telah dihadapi oleh *ASEAN* sejak ia di tubuhkan lebih 53 tahun yang lalu seperti SARS, H1N1, krisis kewangan, krisis tenaga dan krisis bekalan makanan ataupun food security.

Akan tetapi *ASEAN*, tidak pernah menghadapi cabaran-cabaran yang disebabkan oleh *COVID-19*. Impak *COVID-19* serantau dan antarabangsa adalah meluas bukan sahaja dari segi kesihatan awam atau *public health*. Ia juga amat ketara mendatangkan kesan-kesan terhadap sosial dan ekonomi negara serantau ataupun antarabangsa yang sangat mendalam. Ia juga menunjukkan kelemahan-kelemahan dalam sistem komuniti *ASEAN* yang merentasi ketiga-tiga tiang ataupun *ASEAN pillars* iaitu di *Community Political Security, Community Economics, Community Social Cultural* dan juga sektor *ASEAN*.

Oleh yang demikian, pada sidang kemuncak *ASEAN* pada hujung tahun lalu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah menitahkan bahawa tema Pengerusi *ASEAN* pada tahun ini ialah; '*We Care, We Prepare, We Prosper*', Tema ini bertujuan memberi fokus kepada hal ehwal kesejahteraan rakyat. *ASEAN* merebut peluang yang bersedia dalam menangani cabaran masa depan dan menekankan rakyat *ASEAN* dalam meningkatkan kerjasama dalam ketiga-



tiga tiang *ASEAN* ataupun *ASEAN pillars* yang kaola nyatakan tadi serta bersama menuju kemakmuran sebagai sebuah rantau yang bersatu. Tambahan juga, tema pengerusi *ASEAN* pada tahun ini selaras dengan tema Belanjawan Negara Brunei Darussalam Bagi Tahun Kewangan 2021/2022 iaitu 'Menuju Ke Arah Pembangunan Sosioekonomi Yang Resilien'.

Jadinya apakah maksudnya ketiga-tiga dalam erti kata tema yang tersebut dengan menggunakan sifat keprihatinan *ASEAN*. Negara Brunei Darussalam dan negara-negara anggota *ASEAN* yang lain akan berusaha untuk membantu antara satu sama lain dalam meneruskan inisiatif-inisiatif yang membawa faedah kepada rakyat. Ini termasuk usaha-usaha dalam memajukan pemulihan serantau berikutan pandemik *COVID-19* secepat mungkin yang mana selaras dengan *ASEAN Comprehensive Recovery Frame Work*.

Jika tahun 2020 tahun berebut-rebut mencari sungkup muka, tahun 2021 adalah tahun berebut-rebut mencari vaksin pula. Oleh yang demikian, penting bagi *ASEAN* untuk mendapatkan akses kepada vaksin yang selamat dengan harga yang berpatutan dan juga tepat pada masanya menerusi salah satu *ASEAN COVID-19 Respond Fund* yang telah menerima sumbangan dari dalam dan luar *ASEAN*.

Memandangkan cabaran-cabaran geopolitik yang tidak menentu di samping negara-negara besar di sebelah barat berlumba-lumba

mendapatkan vaksin amatlah sukar bagi negara-negara anggota *ASEAN* untuk menangani impak *COVID-19* secara bersendirian. Tetapi secara kolektif dan bersatu kita dapat memberi impak yang lebih besar.

Di samping itu, kita juga perlu memberikan perhatian yang mendalam iaitu dari segi *psychology* atau kesihatan mental yang tidak dialami oleh orang ramai termasuk juga belia-belia dan juga kanak-kanak kerana isu-isu seperti tempoh kuarantin yang panjang ataupun berbalik-balik dan juga bentuk penyekatan dan penutupan yang berulang-ulang, menjaga kesihatan dan kesejahteraan rakyat adalah satu usaha jangka masa panjang *ASEAN* ke arah membina sebuah komuniti *ASEAN* yang berjaya.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam perkara ini pandemik *COVID-19* ini juga mengemukakan perubahan pada cara hidup kita semua. Misalnya, kelas sekolah dan mesyuarat berpindah dari bilik darjah dan bilik mesyuarat ke platform dalam talian yang secara maya.

Dalam perkara ini *ASEAN* akan berusaha untuk membantu rakyat untuk menyesuaikan diri dan berkembang dalam norma terbaharu ini. *ASEAN* akan memberi tumpuan terhadap sumber daya manusia dan pembangunan modal insan serta memastikan bahawa rakyat akan bersedia pada masa hadapan melalui peningkatan ilmu pengetahuan dan kemahiran untuk

menyesuaikan diri dengan arus perubahan global yang pantas.

Ini bukan sahaja kerana wabak *COVID-19* tetapi juga oleh perkembangan teknologi seperti *4<sup>th</sup> Industrial Revolution*. Secara amnya Negara Brunei Darussalam melalui *ASEAN* akan melaksanakan pelbagai inisiatif yang membolehkan negara-negara *ASEAN* lebih bersedia dan memastikan tindak balas yang lebih berkesan dan memelihara kesejahteraan rakyat masing-masing khususnya ketika meghadapi sebarang krisis dan bencana di masa akan datang.

Justeru, dalam usaha memupuk sebuah komuniti *ASEAN* yang prihatin Negara Brunei Darussalam berhasrat untuk menubuhkan satu mekanisme di peringkat *ASEAN* iaitu orang awam akan dapat menyalurkan sumbangan derma secara langsung berikutan bencana-bencana yang berlaku di rantau ini. Pada masa yang sama kita juga perlu siap siaga dengan langkah bagi membolehkan kita mencapai pemulihan dan pertumbuhan mampan yang berterusan dalam mengukuhkan kedayatahan sosioekonomi negara. Inisiatif seperti *ASEAN Travel Corridor Arrangement Framework* akan dapat memudahkan *essential business travel* di rantau ini dengan harapan ia dapat mempercepatkan pemulihan ekonomi serantau. Penubuhan ini adalah sebagai kesinambungan kepada usaha-usaha ke arah *proper green lanes* yang sudah sedia ada pada masa ini. Memandangkan rantau ini bergantung besar terhadap pelancongan, pelaburan dan

perdagangan asing, *ASEAN Travel Corridor Arrangement Framework* adalah salah satu usaha kita untuk pulih daripada kesan wabak *COVID-19*.

Di samping itu juga Negara Brunei Darussalam akan mengetengahkan peranan belia dalam kalangan *ASEAN*, belia-belia yang berusia antara 15 hingga 34 tahun dianggarkan berjumlah sekitar 213 juta. Ia merupakan sebahagian besar daripada jumlah penduduk di rantau ini. Oleh itu, terdapat potensi bagi para belia untuk bertindak sebagai ejen pada perubahan agents of change. Dari sudut *Community Political Security ASEAN* salah satu usaha adalah meningkatkan peranan belia dalam agenda keamanan dan keselamatan ke arah memupuk rasa kebersamaan (*togetherness*) dalam kalangan belia serta menanam rasa penghargaan atas keamanan dan kestabilan yang dinikmati.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ kesedaran atas peranan belia dapat mendorong perbincangan antara para belia dan pihak kerajaan mengenai isu-isu penting melalui pertukaran pandangan, amalan terbaik dan berkongsi mengenai pengalaman dasar. Keadaan yang tidak selamat akan menjejaskan perniagaan serta keyakinan pelabur dan menghalang pertukaran orang (*exchange of people*). Kita tidak mahu rantau kita dianggap sebagai rantau yang lemah *dilandscape economy* global. *ASEAN* akan terus berusaha untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan sebagai keutamaan bagi rantau ini. Dalam hala tuju ini, penting bagi *ASEAN* terus ditadbir dengan *regional architecture* berasaskan

peraturan *rules base* dan undang-undang antarabangsa yang akan memberi manfaat kepada semua.

Oleh yang demikian, sebagai Pengerusi *ASEAN* Negara Brunei Darussalam akan bekerjasama rapat dengan negara-negara anggota yang lain serta rakan-rakan dialog *ASEAN* dalam memastikan ikatan dan perpaduan yang menegakkan *ASEAN Centrality*. Semua ini diharapkan akan dapat direalisasikan bagi mencapai pembangunan komuniti *ASEAN* yang berdaya tahan dan makmur.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam meneruskan usaha pendekatan yang melibatkan seluruh negara (*whole of nation approach*) kementerian ini menyeru kerjasama orang ramai, pihak kerajaan dan juga swasta agar sama-sama berganding bahu dalam menyokong dasar luar negara dan juga negara kita sebagai Pengerusi *ASEAN* pada tahun ini. Keutamaan dan *deliverables* yang kaola sebutkan itu hanyalah sebahagian sahaja yang terdapat *deliverables* seperti segi ekonomi, sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Ekonomi II yang akan dimajukan di bawah komuniti ekonomi *ASEAN* melalui Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan juga *Community Social Cultural ASEAN* melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Secara keseluruhannya, keutamaan dan *deliverables* yang akan dimajukan pada tahun ini akan dapat dimanfaatkan oleh rakyat Negara Brunei Darussalam, menyumbang kepada kesejahteraan rakyat dan pembangunan negara dan

seterusnya dimanfaatkan bersama dengan negara-negara *ASEAN* yang lainnya.

Ia juga selaras dengan usaha-usaha kita melalui pelaksanaan *blueprint*, pelan-pelan induk dan pelan-pelan strategik yang dikeluarkan seperti *economic blueprint*, *digital economy* masterplan dan dasar belia negara bagi meningkatkan kualiti kehidupan rakyat dan penduduk dengan sebaik-baiknya termasuk juga dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035 untuk generasi yang akan datang.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Melalui pejabat-pejabat perwakilan di luar negara, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri akan bertindak terhadap situasi kecemasan yang boleh membahayakan keselamatan rakyat Negara Brunei Darussalam di luar negara iaitu bencana alam, kekacauan awam atau perang dan juga seperti penularan pandemik *COVID-19* pada masa ini.

Oleh yang demikian, penting bagi semua rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam di luar negara atau yang ingin ke luar negeri untuk mendaftarkan diri ke dalam System *e-Register* di laman web Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri ataupun dengan pejabat perwakilan yang terdekat. Ini akan memudahkan bagi pihak pejabat-pejabat perwakilan di luar negara untuk berhubung dengan mereka semasa dalam keadaan kecemasan tempat mereka berada.

Manakala jenis bantuan konsular yang sedia diadakan seperti mengeluarkan visa di luar negara, sijil kecemasan jika kehilangan pasport, bantuan kepada rakyat yang ditangkap di luar negeri dan membantu membawa jenazah ahli keluarga rakyat yang meninggal dunia di luar negara kembali ke tanah air.

Kementerian ini juga ingin menekankan bahawa perkhidmatan-perkhidmatan seperti membantu mencari kerja di luar negara, bantuan dalam hal-ehwal kehakiman seperti pertikaian komersial, membayar atau menjamin pembayaran bil hotel, menyediakan perkhidmatan penterjemahan atau jurubahasa tidak dapat dihulurkan oleh perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negara.

Dalam perkara ini Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri sentiasa menggalakkan orang ramai untuk mendapatkan insurans perjalanan atau insurans perubatan sebelum melakukan perjalanan ke luar negeri. Ini juga untuk menjamin kesejahteraan dan keselamatan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam semasa di luar negara dan sebagai persediaan jika berlakunya sebarang kecemasan, kemalangan yang memerlukan perbelanjaan yang tinggi dan di luar jangkaan.

Dalam situasi *COVID-19*, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan agensi-agensi kerajaan yang lain yang telah berusaha dengan gigih untuk membantu warganegara Brunei Darussalam yang berada di luar negeri yang ingin pulang ke tanah air. Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang

Berhormat, kementerian ini telah menghadapi beberapa isu yang rumit semasa proses penghantaran pulang warganegara kita terutamanya di negara-negara yang Negara Brunei Darussalam tidak menubuhkan ataupun tidak ada pejabat-pejabat perwakilan.

Di sinilah kementerian ini menggunakan dan mengambil manfaat melalui persahabatan akrab negara kita dengan negara-negara rakan lain dengan memohon bantuan mereka untuk membawa balik warga negara kita. Sebagai timbal balik negara kita membalas jasa baik dengan menawarkan bantuan dalam penerbangan kita sendiri kepada negara-negara rakan yang lain.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekian sajalah yang dapat peramba/kaola/saya jelaskan mengenai bidang tugas dan hala tuju Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri buat tahun ini dan tahun-tahun yang akan datang.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.  
وبالله التوفيق والهداية. وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat *Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II* berkenaan belanjawan yang dibentangkannya tadi yang penerangannya adalah cukup jelas dan terperinci. Maka tajuk ini saya bukakan untuk dibahaskan. *Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii.*

**Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii:** Terima kasih Yang

Berhormat Pengerusi. Saya ambil baik mukadimah yang baru diberi daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II dan juga keterangan atas perbelanjaan kementerian dan juga *deliverable* sebagai Pengerusi ASEAN 2021.

Saya merujuk soalan dan cadangan di bawah Kod Akaun 001-000 - Pengurusan Pentadbiran dan Perancangan Dasar dan lebih khususnya kepada Perancangan Dasar. Sebagai *frontliner* dalam arena antarabangsa Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri memang menanggung banyak perhubungan dengan negara-negara lain dan juga pertubuhan-pertubuhan yang tertentu.

Dalam kebanyakan perhubungan ini secara bilateral, multilateral dan melalui MoU dan lain-lain. Saya ingin mengetahui 2 perkara:

1. Impak pelaksanaan MoU ataupun perjanjian untuk meningkatkan status negara sebagai *referred pet partner*; dan
2. Untuk MoU atau perjanjian dua hala adakah kementerian bercadang untuk mengambil *stock tick* di bawah perlaksanaanya dalam keadaan norma baharu?.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih

Yang Berhormat atas pertanyaan tersebut.

Barangkali pertanyaan soalan yang pertama mengenai impak pelaksanaan MoU sebagai *referred pet partner* memang dari segi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri sebagai *coordinator* dan juga perantara antara agensi-agensi kerajaan di negara ini bersama dengan di negara-negara sahabat yang lain.

Jadi, dari segi pelaksanaan MoU ataupun penandatanganan MoU. MoU berkenaan dengan negara-negara yang diadakan hubungan dua hala tertakluk kebanyakannya kepada spesifik MoU yang agensi-agensi sudah mempunyai keinginan. Jadinya seperti MoU bersama pertubuhan dengan kerjasama belia dan sukan, kerjasama dalam perdagangan tertakluk kepada Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Isu-isu MoU yang ataupun perjanjian yang ditandatangani adalah satu di antaranya mengenai memudahkan pelaburan ataupun *bilateral investment treaty* dan sebagainya. Impak pelaksanaannya itu memanglah diteliti dari semasa ke semasa tetapi lebih berkenaan dengan agensi-agensi yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, adakalanya bersama dengan kalau belum ada MoU yang menjurus kepada sesuatu *area of interest* kemungkinan semasa satu lawatan ataupun satu lawatan kerja ataupun statet visit ia akan dicadangkan. Ini untuk membuka jalan saja. Jadinya membolehkan kedua belah pihak menerusi agensi-agensi berkenaan untuk

memulakan perbincangan dan sekiranya ada interest daripada pihak-pihak swasta ataupun pihak-pihak yang berkenaan untuk melabur ataupun untuk membuat perdagangan, masa tersebut digunakan untuk meneliti sekiranya perlu mengadakan satu MoU. *So MoU is only signed if both countries agreed to either participate* ataupun untuk memulakan kerjasama dalam bidang-bidang tersebut.

Mengenai soalan yang kedua, kaola ingin memohon Yang Berhormat untuk mengulangi lagi sekali sebab yang perkataan saya, kaola dapat cuma dapat *stock tick* dalam norma baharu. Tapi soalan yang lain tidak tahu.

**Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii:** Sebenarnya Yang Berhormat itu sahaja, penghabisan di sana saja, *stock tick* di bawah norma baharu.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II:** *Stock tick* untuk apa.

**Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii:** Untuk antara MoU yang sudah dijanjikan atau akan dilaksanakan. Adakah kitani sebagai senegara mereviu balik *especially* dalam keadaan norma baharu *in moving forward*.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II:** Untuk tambahan macam *stock tick* ini, Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekiranya ada peluang untuk membuat lawatan kerja ataupun mengadakan

yang dipanggil dalam kementerian *bilateral consultation mechanism* ataupun *bilateral consultation meetings* masa tersebut adalah waktunya untuk mengadakan reviu bersama negara-negara tersebut. Jadi baru-baru ini kaola pun pernah mengadakan bilateral bersama dengan India dan Jepun. Jadi, dalam mesyuarat tersebut dapatlah mengambil peluang untuk mereviu semua *areas of cooperation*.

Tetapi *this review cooperation* secara umum sahaja. Dikenal pasti sekiranya ada masalah *we try to address it*. Tetapi kalau tiada bermasalah dan agensi pun tiada memberi apa-apa *input* daripada kedua belah pihak, maka *consider still to be continue* saja. *So* macam itu.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Izinkan saya untuk membawakan 3 soalan. Dengan *conflict* yang berlaku di beberapa buah negara *ASEAN* termasuk di sempadan-sempadan serta perairan-perairan, perkara ini berlaku berdekatan dengan kitani di Negara Brunei Darussalam. Saya menyokong baik tadi ucapan pembukaan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri

II mengenai penglibatan belia dalam keselamatan dan keamanan. *أَلْحَمْدُ لِلَّهِ* keamanan kitani kecap sudah lama. Namun begitu warga-warga gen Z, *millennials*, malah *generation X* sendiri tidak tahu akan kepayahan hidup dalam *conflict*.

1. Saya akan bertanya sejauh manakah resolusi 2050 di peringkat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Besatu ini sudah dapat diterapkan terutama dalam memberikan peluang kepada para belia meningkatkan peranan mereka. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* kitani boleh menjadi pelopor dan perintis usaha menghargai keamanan dan mengangkat kepentingan keselamatan ini dan juga turut mendukung komuniti *pillar political security ASEAN*.

Jangantah jauh sahaja sambutan Hari *ASEAN* masih lagi kurang disedari dan kurang difahami di peringkat masyarakat kitani malah ia adalah penting kitani bermasyarakat hidup secara aman di rantau *ASEAN*.

2. Apakah para diplomat Negara Brunei Darussalam yang berkhidmat di luar negara di pejabat-pejabat perwakilan akan dikira sebagai *frontliners* yang membolehkan mereka menerima vaksinasi *COVID-19* yang akan dilaksanakan tidak lama lagi?; dan
3. Apakah pihak kementerian akan menimbang penutupan pejabat-pejabat perwakilan sekiranya ia tidak aktif ataupun mungkin

mengubah pejabat-pejabat konsular Negara Brunei Darussalam kepada tempat yang lebih strategik bagi memastikan praktikaliti dan fungsi pejabat-pejabat perwakilan. Diambil maklum beberapa orang duta ataupun perwakilan kitani berada di Brunei Darussalam malah tidak berada di kawasan tersebut. Perkara ini dapat mengurangkan mungkin kos *running of the operations*.

Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat dengan soalan tersebut. Mengenai dengan isu, penghargaan keamanan yang dihadapi oleh sebilangan besar dalam *ASEAN* bukanlah sahaja *gen millennials, gen x y generation* kaola sendiri pun belum pernah mengalami pertikaian-pertikaian yang begitu sengit. So dalam perkara ini memanglah didapati perlunya *in order to maintain peace you need to understand the value of having peace*. Minta maaf Yang Berhormat Pengerusi kaola lebih senang, diharapkan dalam *ASEAN* menerusi dipanggilnya *one of the forum is the ASEAN Regional Forum* yang membawa lebih banyak rakan-rakan dialog *ASEAN* untuk berkerjasama ini diharapkan dapat menanam perasaan pentingnya menjamin keselamatan dan perpaduan antara masyarakat dan negara *stakeholder*.

So dengan memahami apakah yang dimaksudkan *peace* dan keamanan, diharapkan satu bengkel akan dianjurkan pada tahun ini bersama dengan belia dari

negara-negara ahli *ASEAN* dan juga negara-negara ahli-ahli *ASEAN Regional Forum* termasuklah negara Jepun, China, Korea, Australia, New Zealand kesemua negara Eropah dan Australia, Amerika dan Kanada. Di samping juga negara-negara seperti India, Bangladesh dan sebagainya.

Dengan bengkel ini diharap dapat memupuk rasa kesedaran dalam kalangan belia mengenai keamanan. Selain itu, ia juga menjurus kepada meningkatkan kefahaman dalam resolusi-resolusi UN yang berkenaan.

Mengenai dengan soalan kedua diplomat yang di luar negeri, Soalan itu bagus ditujukan kepada Kementerian Kesihatan.

Ketiga-tiga konsulat *ASEAN* yang akan dipindah atau diperbaharui modus operandinya memanglah pertimbangan yang mendalam diberikan kepada penubuhan konsulat dan perwakilan asing di negara-negara sahabat. Ia bukan sahaja dari segi ekonomi tetapi juga dari sesi politik, yang kadang-kadang persahabatan politik tiada mempunyai harga yang dapat ditetapkan. *So in terms of economic value* memang sudah zero. Tetapi in *terms of political value and friendship* ia *priceless so* begitu yang dapat disarankan *in all cases* memang perwakilan dan konsulat-konsulat tersebut ada mempunyai *value in certain areas*.

Mengenai duta-duta ataupun pegawai yang bekerja di Brunei, pada masa ini

bukannya sebab *new* norma ini sebab belum dapat balik. Ada yang mahu balik tapi belum ada penerbangan. Ada juga yang tidak dapat balik langsung kerana menghadapi isu mental health. Kemungkinan sebab *COVID-19* jua tetapi mungkin sebab persendirian cuma penempatan duta atau ketua perwakilan ini adalah mustahak untuk berada di negara-negara yang mereka ditetapkan kerana fizikal walaupun dibesar-besarkan mengenai mesyuarat secara maya atau *online* ia tidak dapat menggantikan mesyuarat dan perjumpaan secara fizikal kerana perjumpaan secara fizikal itu lebih *personal* dan lebih *human* bahawa *human touch* lebih memberikan *result* yang positif.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima Kasih. Barangkali tidak ada *eye contact*, yang ada kita melihat skrin. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Saya hanya ingin membawa sedikit perkara berkenaan harta-harta milik warganegara kita di tempat-tempat *undefine area*. Terdapat binatang-binatang ternakan dan pulau buah hasil ladang dan sebagainya yang perlu



dilindungi dan diambil perhatian. Juga berkenaan juga hasil-hasil yang disebut di atas dipohonkan kemudahan dibawa melalui pos kawalan dengan mudah kerana ia adalah hasil ladang dan kepunyaan warganegara kita untuk dipasar di dalam Negara Brunei Darussalam.

Dicadangkan peningkatan peruntukan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri bagi meningkatkan aktiviti belia Negara Brunei Darussalam dalam *ASEAN* yang mendatangkan nilai ekonomi dalam kesempatan populasi belia yang tinggi dalam *ASEAN*.

Sekian, Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II:** Terima kasih diatas pandangan Yang Berhormat. Yang Berhormat Pengerusi kenyataan tersebut menjurus kepada satu *statement*. Yang Berhormat Pengerusi kaola mengambil maklum dan meneliti semula sekiranya dapat ditingkatkan dalam pelaksanaan bidang dan tugas Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan juga meng *coordinate* bersama agensi-agensinya yang lain. Tetapi mengenai *undefine area* yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi ada satu tempat saja yang *defined* dalam akhbar "Pelita Brunei" kalau dikira pada masa ini, lanjutan daripada sempadan.

Jadinya perkara penyukatan sempadan ini masih lagi di laksanakan secara gigihnya. Isu mengenai *undefined area* ini bukan saja yang dialami oleh sebelah

Brunei tetapi jua disebelah Brunei Muara, tapi jua dari sebelah Daerah Limbang. Pada masa ini masih lagi berunding bagaimana caranya yang terbaik untuk menjamin aktiviti-aktiviti ekonomi yang sudah berjalan tidak tergugat dan aktiviti-aktiviti sekatan sempadan dapat dijalankan. Pada masa ini masih lagi perkara ini dibincangkan antara kedua belah pihak.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon.

**Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Kaola ingin menyampaikan 2 perkara secara ringkas, Yang Berhormat Pengerusi:

1. Pada Musim Permesyuratan Keenam Belas Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat memaklumkan bahawa cadangan yang kaola bangkitkan mengenai pengemaskinian laman web iaitu *webpage* Pejabat-Pejabat Perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negeri akan terus-menerus diadakan dan diteliti khususnya dari segi *standard reason* maklumat yang perlu dikeluarkan dan maklumat-maklumat spesifik.

Kaola berminat untuk mengetahui sejauh mana perkembangan atau

kemajuan yang mengenainya? Kaola berpendapat, pejabat perwakilan dalam mengemaskinikan laman-laman web masing-masing berperanan untuk menjadikan salah satu platform yang amat berguna dalam menyalurkan maklumat mengenai Negara Brunei Darussalam. Lebih-lebih lagi, semasa Negara Brunei Darussalam pada tahun ini yang akan menjadi pengerusi *ASEAN* yang sudah setentunya akan menarik perhatian antarabangsa mengenai latar belakang negara kita termasuk peluang-peluang kerjasama ekonomi dan pelaburan. Dengan inisiatif sedemikian, kaloa percaya ia sedikit sebanyak akan turut membantu dalam ekonomi *blueprint* Brunei Darussalam iaitu *Open and Globally Connected Economy*;

2. Kaola mengambil kesempatan untuk menyatakan penghargaan terhadap perkhidmatan *e-Register* yang diperkenalkan oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri semasa wabak pandemik *COVID-19* mula-mula berlaku pada tahun lepas. Beberapa buah negara telah mengambil keputusan untuk membuat *lockdown* dan menjejaskan pergerakan orang awam. Yang Berhormat juga telah menekankan dalam satu sidang akhbar *COVID-19* mengenai perimustahaknya bagi menggunakan *e-Register* atau mendaftar terus kepada pejabat-pejabat perwakilan bagi mengetahui keberadaan mereka

dan hal-ehwal mereka dalam dapat dipedulikan.

Kaola ingin mengetahui bagaimana pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dapat memantapkan lagi perkhidmatan ini agar terus dimanfaatkan dan menjadi amalan yang baik bagi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam sekiranya berada di luar negeri agar kitani semua siap siaga dan terpelihara dari berlakunya apa-apa yang tidak dapat diingini?

Sekian saja yang dapat kaola sampaikan. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II:** Terima kasih yang Berhormat Pengerusi dan Yang Berhormat Pengiran Haji Ali bin Pengiran Maon. Pengemaskinian *webpage*, kementerian sentiasa dilakukan dari semasa ke semasa dan pada tahun ini, Negara Brunei Darussalam mempengerusikan *ASEAN*. Perkara ini dipromosikan dengan lebih luas. Mungkin tidak menerusi *webpage*, kedutaan atau perwakilan di luar negeri tetapi memang dari segi Jabatan Perdana Menteri ada *webpage* nya on *ASEAN Chairmanship* pada tahun ini. Juga ada *instagram account*, *facebook* dan sebagainya untuk memaklumkan mengenai *ASEAN Chairmanship* dan juga mengenai Negara Brunei Darussalam secara umumnya. *Although*, dalam *webpage* kedutaan ataupun perwakilan tidak banyak dinyatakan mengenai *ASEAN Chairmanship* tersebut. Selain

itu, fokusnya lebih kepada keutamaan jua orang-orang kitani yang di luar negeri supaya dapat akses maklumat dengan mudah dan senang. *Otherwise, our webpage* di luar negeri *will be* penuh dengan maklumat dan terpaksalah dicari sana sini.

Mengenai *e-Register*, ia diteruskan pada masa ini dengan tatacara *online registration* tetapi kementerian meneliti dan belum lagi masuk dalam peruntukan tahun akan datang ini. Mungkin pada tahun kemudiannya, *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* kalau dapat *diupgrade* dari *online registration* kepada *app (application)* kerana sekarang ini semua orang menggunakan *handphone* di luar negeri malahan cuma tukar kad saja, sudah dapat menggunakan telefonnya dengan *line* baharunya di luar negeri secara *roaming*.

Jadinya, mungkin *app (application)* ini lebih memudahkan untuk *e-Register* semasa di luar negeri dan juga memberikan *locationnya* yang lebih tepat sekiranya mereka memerlukan dengan memberi maklumat-maklumat yang tertentu. Kesemua isu mengenai dengan elektronik *application* ini adalah masih lagi dalam penelitian dan sentiasa diperbaharui dari semasa ke semasa.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya berpendapat ada baiknya sekarang Tajuk ini kita undi. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju supaya Tajuk

Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri ini diluluskan, sila angkat tangan.

**(Semua ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)**

Terima kasih.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:** Tajuk SC01A - Kementerian Hal Luar Negeri dijadikan sebahagian daripada Jadual.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin mencadangkan supaya Mesyuarat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dan kita bersidang semula di Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita telah pun bersidang dalam Jawatankuasa sebelah pagi dan saya ingin menangguhkan persidangan ini buat sementara waktu bagi membolehkan kita berehat. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ* kita akan bersidang semula pada petang ini nanti sebagaimana lazimnya mulai dari pukul 2.30 petang,

Sekian,

وبالله التوفيق والهداية. وَ السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**